

CC

3555:

UMNO-MAHATHIR

1976

28

KUALA LUMPUR, 4 JULAI (BERNAMA) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI MENOLAK DAKWAAN KONONNYA NILAI IJAZAH-IJAZAH UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA TIDAK SETARAF DENGAN IJAZAH-IJAZAH UNIVERSITI LAIN SAMAADA DIDALAM ATAU LUAR NEGERI.

DR. MAHATHIR, YANG JUGA MENTERI PELAJARAN MENJELASKAN, KERAJAAN MEMANG SUDAH LAMA MENGIKTIRAF IJAZAH-IJAZAH TERSEBUT SAMA SEPERTI IJAZAH-IJAZAH UNIVERSITI LAIN.

BUKTI PENGIKTIRAFAN INI, TEGAS BELIAU DAPAT DILIHAT DARI BILANGAN PEMEGANG-PEMEGANG IJAZAH UNIVERSITI TERSEBUT YANG TELAH DIAMBIL BEKERJA OLEH KERAJAAN.

+JIKA IJAZAH-IJAZAH TERSEBUT TIDAK DIAKUI, PARA PELAJAR LULUSAN UNIVERSITI KEBANGSAAN TIDAK MUNGKIN MENDAPAT PEKERJAAN DENGAN KERAJAAN.+ TEGASNYA.

DR. MAHATHIR YANG JUGA NAIB PRESIDEN UMNO, MENJAWAB PERKARA-PERKARA YANG DITIMBULKAN OLEH PARA PERWAKILAN KEPERHIMPUNAN AGUNG UMNO YANG KE 27 DI SINI KETIKA MEMBAHASKAN UCAPAN DASAR PRESIDEN UMNO DATUK HUSSEIN ONN. -- BERSAMBUNG 1654/A1

CC

3556:

UMNO-MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

BELIAU MENJELASKAN, PEMILIHAN CALUN-CALUN UNTUK SESUATU JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN BUKAN SEMATA-MATA BERGANTUNG KEPADA KELULUSANNYA TETAPI JUGA PRESTASI MEREKA SEMASA TEMUDUGA.

KERAJAAN, TEGASNYA, TIDAK MEMILIH SAMAADA SESEORANG CALUN-CALUN ITU MEMPUYAI IJAZAH DARI UNIVERSITI-UNIVERSITI TERTENTU ASALKAN MEREKA MEMPUYAI KELAYAKAN YANG DIPERLUKAN OLEH JAWATAN-JAWATAN YANG DIPONON.

DR. MAHATHIR JUGA MEMBERITAHU, KERAJAAN AKAN MENUBUHKAN SEBUAH MAKTAB PERGURUAN UGAMA DI SINI TAHUN DEPAN. MAKTAB INI AKAN MENGAMBIL ALIH BANGUNAN YANG DIDUDUKI OLEH FAKULTI ISLAM UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA APABILA FAKULTI BERPINDAH KE KAMPUS BARU DI BANGI.

KERAJAAN JUGA AKAN MENUBUHKAN DUA BUAH MAKTAB PERGURUAN BIASA DI TRENGGANU DAN KEDAH. -- BERSAMBUNG 1703/A1

3557:

UMNO-MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

MENGENAI MASALAH KEKURANGAN PELAJAR BUMIPUTRA DI FAKULTI KEJURUTERAAN DI UNIVERSITI MALAYA, DR. MAHATHIR MENJELASKAN, PARA PEMIMPIN KERAJAAN MEMANG SEDAR DAN SENTIASA MENGAWASI PERKARA ITU.

BAGI MENGATASI MASALAH ITU, UNIVERSITI MALAYA AKAN MENUBUHKAN SEBUAH PUSAT ASASI SAINS MULAI TAHUN DEPAN UNTUK MELATIH PARA PELAJAR BUMIPUTRA LULUSAN SPM/MCE DALAM BIDANG SAINS.

SELEPAS PENGAJIAN DUA TAHUN, PARA PELAJAR ITU AKAN DISALORKAN UNTUK MENGIKUT PENGAJIAN IJAZAH DALAM KEEMPAT-EMPAT FAKULTI SAINS IAITU PERUBATAN, KEJURUTERAAN, SAINS DAN PERGIGIAN.

BELIAU YAKIN DENGAN PERLAKSANAAN SEKIM PUSAT SAINS INI BILANGAN PELAJAR BUMIPUTRA AKAN BERTAMBAH LIPAT GANDA BUKAN SAHAJA DALAM FAKULTI KEJURUTERAAN TETAPI LAIN-LAIN FAKULTI SAINS JUGA.

MENYENTOH TENTANG PELAJARAN UGAMA, DR. MAHATHIR MEMBERITAHU, KEMENTERIAN PELAJARAN AKAN MENYEMAK SEMULA SUKATAN PELAJARAN TERSEBUT SERTA MENAMBAHKAN MASA BAGI PELAJARAN ITU DI SEKOLAH-SEKOLAH.

LANGKAH-LANGKAH INI DIAMBIL MENGIKUT KAJIAN YANG DIJALANKAN OLEH MAJLIS PENASIHAT PELAJARAN UGAMA KEPADA MENTERI PELAJARAN YANG DITUBUHKAN BEBERAPA TAHUN LALU. -- BERSAMBUNG 1707/A1

B55B:

UMNO-MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

BELIAU MEMINTA PARA PERWAKILAN MEMBERIKAN PELUANG KEPADA MAJLIS ITU MENGAJUI LEBIH LANJUT TENTANG KELEMAHAN-KELEMAHAN DALAM SISTEM PENYAMPAIAN PELAJARAN UGAMA DI SEKOLAH-SEKOLAH.

DR. MAHATHIR JUGA MEMUJI AHLI-AHLI KELAB UMNO UNITED KINGDOM ATAS USAHA-USAHA MEREKA MEMBIMBING PARA PELAJAR MALAYSIA DI LONDON.

BELIAU PERCAYA USAHA-USAHA KELAB ITU AKAN DAPAT UMNO SELURUHNYA DALAM USAHA-USAHA MENANAMKAN SEMANGAT KEBANGSAAN DI KALANGAN PARA PELAJAR TERSEBUT.

BELIAU JUGA MEMUJI KETUA KELAB TERSEBUT, ENCIK MAZLAN BADOR YANG BERUCAP DI PERHIMPUNAN ITU PAGI TADI.

ROMBONGAN EMPAT ORANG DARI KELAB ITU TELAH DIBERIKAN TARAF +Pemerhati Khas+ di perhimpunan tersebut. -- BERNAMA 1710/AI